


**KERAJAAN NEGERI KELANTAN**  
**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN**  
**BILANGAN 1 TAHUN 2022**  
**PELANJUTAN TEMPOH PEMBERIAN DISKAUN KHAS KE ATAS BAYARAN**  
**PREMIUM BAGI PERMOHONAN PELANJUTAN TEMPOH PAJAKAN TANAH**

---

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memaklumkan semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan bahawa Pihak Berkuasa Negeri melalui Persidangan Majlis Mesyuarat Kerajaan Kali Ke 09/2022 yang bersidang pada 18 Mei 2022 telah membuat keputusan sebagaimana berikut :-

- 1.1 Pemberian diskaun sebanyak 30% daripada jumlah keseluruhan premium yang dikenakan yang akan berakhir pada 30 April 2022 dilanjutkan sehingga 30 April 2023.
  - 1.2 Bagi kuasa melulus diwakilkan kepada Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kelantan di bawah Seksyen 13 Kanun Tanah Negara 1965 bagi mana-mana permohonan pelanjutan tempoh pajakan tanah bagi tempoh tidak lebih 30 tahun.
  - 1.3 Lain-lain kelulusan yang dibuat dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Kali Ke 09/2020 yang bersidang pada 22 April 2020 dalam Kertas Bilangan 9/2020 D7 (105) dikekalkan sebagaimana Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kelantan Bilangan 4/2020.
2. Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama dengan Pekeliling PTG Bilangan 04/2021, Pekeliling PTG Bilangan 04/2020, Pekeliling PTG Bilangan 17/2020 dan Arahan PTG Bilangan 03/2020.
  3. Peliling ini adalah berkuat kuasa serta –merta dan semua Pentadbir Tanah hendaklah mengambil maklum akan keputusan Pihak Berkuasa Negeri ini dan mengambil tindakan sewajarnya bagi melaksanakan keputusan tersebut.

  
.....  
**DATO' HAJI ZAMRI BIN HAJI ISMAIL, D.P.S.K.(Kelantan),K.M.N.**  
**PENGARAH TANAH DAN GALIAN**  
**KELANTAN.**

**KEPADA:**

Yang Berbahagia Dato' / Yang Berusaha  
Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan.

**SALINAN KEPADA:**

1. YAB. Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar Negeri Kelantan.
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar Negeri Kelantan.
3. YB. Dato' Kaya Setia Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan.
4. YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan.
5. YB. Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan.
6. YABrs. Pengarah Audit Negeri Kelantan.
7. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan.

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
NEGERI KELANTAN  
BLOK 3, KOTA DARULNAIM  
15576 KOTA BHARU KELANTAN.

NO FAIL : PTG.KN.23/6/57 (15)  
BERTARIKH : 30 Mei 2022, 29 Syawal 1443H.